

Pengasih buat saya lebih tertekan: Jamal

2011/12/23



Jamal Abdillah

PETALING JAYA: Penyanyi terkenal, Jamal Abdillah, 52 menyifatkan keputusannya meninggalkan rumah Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih) yang didiaminya sejak lima tahun lalu adalah tepat sambil mendakwa ia dibuat kerana sudah tidak tahan menerima pelbagai tekanan sepanjang berada di pusat itu.

Penyanyi yang popular dengan lagu Kekasih Awal dan Akhir ini, berkata selepas keluar daripada pusat pemulihan itu, dia dapat menjalani kehidupan seharian lebih bermakna.

“Saya akui, kehidupan di luar ketika ini lebih tenang berbanding dalam rumah itu. Peranan Pengasih sepatutnya menyokong penghuninya dengan memberi semangat untuk menjadi lebih positif dan bukannya memberi tekanan kepada mereka,” katanya ketika sidang media penganjuran Karnival Sehari Bersama Jamal Abdillah yang diadakan di pejabat syarikat rakaman Warner Music Malaysia di sini, petang semalam.

Hadir sama, Ketua A & R Warner Music Malaysia, Mokhtaza Ahmad dan rakan perniagaan penyanyi berkenaan.

Sambil melahirkan kekecewaan di atas beberapa dakwaan dilemparkan kepadanya oleh Pengasih sebaik saja beliau nekad keluar dari pusat itu, Jamal yang mendapat gelaran Raja Pop berkata, dia akan menjelaskan segala yang berlaku dalam satu sidang media khas tidak lama lagi.

“Saya tak rasa ini masa sesuai untuk menjelaskan segalanya. Saya akan mengadakan sidang media berasingan berserta bukti kukuh yang akan menyokong tindakan saya itu,” katanya sambil menunjukkan fail yang didakwa menyimpan maklumat berkaitan.

Sebelum ini, Pengerusi Pengasih, Datuk Yunus Pathi yang kecewa dengan tindakan penyanyi itu mendedahkan, Jamal tidak banyak memberi sumbangan walaupun menggunakan pelbagai kemudahan di pusat itu sedangkan statusnya adalah seorang artis popular tanah air.